

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Selain daripada penyatuan perkhidmatan bagi agensi-agensi dan Jabatan-Jabatan yang dipersekutukan, usaha-usaha yang lebih serius dan dinamis hendaklah juga dijalankan dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Sungguh benar, amalan pengusaha dan peniaga Sarawak dan Sabah, menjalankan kegiatan perniagaan dan perdagangan terus menerus dengan pihak-pihaknya di luar negeri, adalah lebih mudah dan murah. Tetapi mereka hendaklah faham, bahawa amalan yang berlanjutan seperti ini, tidak akan dapat mewujudkan perhubungan rapat dengan pengusaha-pengusaha di Semenanjung Malaysia, Mereka perlu secara berperingkat-peringkat, mewujudkan kerjasama dan persefahaman yang lebih rapat dan erat, supaya